

# INTERNATIONAL AIR FORCE CRICKET CHALLENGE (IAFCC' 18) GRAND FINAL



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4011-international-air-force-cricket-challenge-iafcc-18-grand-final](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4011-international-air-force-cricket-challenge-iafcc-18-grand-final)

KINRARA, 16 Okt 18 - Telah berlangsung perlawanan akhir bagi kejohanan International Air Force Cricket Challenge 18 (IAFCC' 18) di Stadium Kriket Kinrara, Puchong hari ini. Perlawanan akhir yang memasuki hari ke enam ini merupakan perlawanan akhir di antara Pasukan Kriket Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menentang Pasukan Kriket Royal Air Force (RAF) dimana sebahagian daripada pemain TUDM merupakan pemain kebangsaan.

Penganjuran kejohanan IAFCC' 18 ini merupakan inisiatif Persatuan Kriket TUDM sempena ulang tahun ke-60 TUDM dan merupakan kejohanan pertama yang melibatkan pasukan Tentera Udara daripada negara anggota Five Power Defence Arrangement (FPDA) iaitu Royal Air Force (RAF), Royal Australian Air Force (RAAF) dan Royal New Zealand Air Force (RNZAF).

Kejohanan IAFCC' 18 ini telah dirancang untuk dilaksanakan pada bulan Oktober (diadakan 10 hingga 17 Okt 18) seiring dengan latihan FPDA BERSAMA LIMA serta dapat menggalakkan penyertaan maksimum daripada negara-negara FDPA.

Penganjuran kejohanan ini adalah bertujuan untuk memupuk semangat muhibah dan persaingan yang sihat disamping dapat mengukuhkan hubungan baik di kalangan perkhidmatan Tentera Udara seterusnya dapat meningkatkan lagi perhubungan diplomasi pertahanan.

Turut hadir di kejohanan ini adalah Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM mewakili Panglima Tentera Udara, Pegawai Kedutaan daripada United Kingdoms, New Zealand dan Australia.



